

ḌARAR EMOSI DAN HAK WANITA DALAM PEMBUBARAN PERKAHWINAN **EMOTIONAL ḌARAR AND WOMEN'S RIGHTS IN MARRIAGE DISSOLUTION**

Nurul Farhana Azmi¹*Wan Mohd Khairul Firdaus Wan Khairuldin¹, Kauthar Razali², Nurul Najibah Zainal¹ & Siti Aisyah Sabri¹

¹ *Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin, Kampus Gong Badak, 21300, Kuala Nerus, Terengganu, Malaysia.*

² *Fakulti Pengajian Umum dan Lanjutan, Universiti Sultan Zainal Abidin, Kampus Gong Badak, 21300, Kuala Nerus, Terengganu, Malaysia.*

ARTICLE INFO

*Author Email Address:
nurulfarhanaazmi73@gmail.com

Submitted Date:
26 January 2025

Revised Date:
1 February 2025

Accepted Date:
25 April 2025

Kata Kunci:
Penderaan emosi, Ḍarar emosi, Hak wanita, Fasakh, Keganasan rumah tangga

Keywords:
Keywords: Emotional abuse, Emotional Ḍarar, Women's rights, Fasakh, Domestic violence

Cite as:

Nurul Farhana Azmi, Wan Mohd Khairul Firdaus Wan Khairuldin, Kauthar Razali, Nurul Najibah Zainal & Siti Aisyah Sabri. 2025. Ḍarar Emosi dan Hak Wanita dalam Pembubaran Perkahwinan. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*. 26(1):16-30

ABSTRAK

Islam mengiktiraf dan melindungi hak wanita daripada penderaan dalam hubungan kekeluargaan, termasuk penderaan atau Ḍarar emosi yang boleh memudaratkan kesihatan mental dan kehidupan wanita. Ḍarar emosi dianggap sebagai alasan sah bagi memohon perceraian menurut Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (EUUKI) di Malaysia, melibatkan penghinaan, makian, dan pembuluan emosi berterusan oleh suami. Namun, isteri masih berhadapan dengan cabaran beban pembuktian dan prosedur mahkamah. Kajian ini bertujuan untuk menganalisis pandangan ulama fiqah mengenai hukum perceraian disebabkan Ḍarar emosi dan aplikasinya dalam EUUKI, serta mengenal pasti cabaran pelaksanaan EUUKI dalam menangani isu Ḍarar emosi. Kajian ini juga menggunakan pendekatan kualitatif dengan mengumpul data primer melalui kajian kepustakaan dan temu bual separa struktur bersama seorang peguam syarie. Data dianalisis menggunakan kaedah analisis kandungan. Dapatan kajian mendapati, EUUKI menggunakan pandangan mazhab Maliki yang membolehkan isteri memohon fasakh disebabkan Ḍarar emosi. Di samping itu, beberapa cabaran dikenal pasti seperti isteri sukar mengemukakan bukti yang kukuh, kurang pengetahuan mengenai Ḍarar emosi, dan prosedur mahkamah yang panjang. Kajian mencadangkan pemerkasaan undang-undang serta meningkatkan kesedaran melalui sokongan sosial sesuai masa kini. Kesimpulannya, kajian ini diharapkan dapat membantu memperkukuh perlindungan wanita yang

ABSTRACT

Islam recognizes and protects women's rights from abuse within family relationships, including emotional abuse or Ḍarar, which can harm women's mental health and well-being. Emotional Ḍarar is considered a valid ground for divorce under the Islamic Family Law Enactment (IFLE) in Malaysia, involving continuous humiliation, verbal abuse, and emotional bullying by the husband. However, women still face challenges related to the burden of proof and legal procedures. This study aims to analyze the views of Islamic jurisprudence scholars on the legitimacy of divorce due to emotional Ḍarar and its application under IFLE, as well as to identify the challenges in implementing IFLE in addressing emotional Ḍarar. The study uses a qualitative approach, gathering primary data through literature review and semi-structured interviews with a Syariah lawyer. The data was analyzed using content analysis. The findings indicate that IFLE follows the Maliki school of thought, which allows a wife to seek fasakh (annulment of marriage) due to emotional Ḍarar. Several challenges were identified, such as difficulty in providing solid evidence, lack of awareness regarding emotional Ḍarar, and lengthy court procedures. The study recommends strengthening legal frameworks and raising awareness through modern social support systems. In conclusion, the study aims to contribute to reinforcing protection for women experiencing emotional Ḍarar within marriage.

PENGENALAN

Di Malaysia, isu penderaan emosi berkait rapat dengan masalah keganasan rumah tangga yang kian meningkat. Menurut Polis Diraja Malaysia (PDRM), bilangan keganasan rumah tangga pada tahun 2024 meningkat sebanyak 29.22% dengan 7116 kes berbanding 5507 kes pada tahun 2023 (Bernama, 2025). Keganasan rumah tangga antara pasangan boleh berlaku dalam bentuk fizikal mahupun psikologi. Meskipun penderaan dilakukan secara fizikal, kesan daripada penderaan pasti memberi impak mendalam terhadap emosi mangsa. *Darar* emosi merujuk kepada penderaan atau penyeksaan yang dialami oleh pasangan dan boleh menggugat kesejahteraan mental dan emosi seseorang (Abd Manaf et al., 2023: 82). Tekanan emosi berterusan menyebabkan mangsa mengalami tekanan, terasing, dan mengalami trauma yang sukar untuk dipulihkan (Johari et al, 2025: 27; Sharil & Ismail, 2020:238). Walaupun keganasan fizikal dalam rumah tangga lebih mudah dikesan, penderaan emosi sering kali tidak diambil berat kerana tidak meninggalkan kesan fizikal yang jelas. Keadaan ini menyebabkan wanita terperangkap dalam perkahwinan yang mendera emosi mereka. Mereka sukar untuk keluar daripada hubungan yang tidak selamat tersebut. Bryngeirsdottir dan Halldorsdottir (2022: 1) mendapati, kebanyakan wanita yang didera oleh suami secara berterusan melihat pembubaran perkahwinan sebagai satu pembebasan dan jalan keluar terbaik.

Dalam pada itu, agama Islam menjaga hak wanita dengan jelas untuk mendapatkan perlindungan daripada penderaan dan ketidakadilan dalam perkahwinan (Wahidatul Hannan Nazari & Razali Musa, 2022: 208). Islam mengajarkan bahawa perkahwinan adalah sebuah ikatan yang harus dibina atas dasar kasih sayang, saling hormat, dan berlaku adil. Sebagaimana firman Allah SWT:

وَكَيْفَ تَأْخُذُونَهُ وَقَدْ أَفْضَىٰ بَعْضُكُم إِلَىٰ بَعْضٍ وَأَخَذْنَ مِنْكُم مِّيثَاقًا غَلِيظًا ﴿٢١﴾

Maksudnya: Dan bagaimana kamu tergamak mengambil balik pemberian itu padahal kasih mesra kamu telah terjalin antara satu dengan yang lain dan mereka pula (isteri-isteri kamu itu) telah pun mengambil perjanjian yang kuat daripada kamu?

(Surah al-Nisa', 4: 21).

Ayat di atas menunjukkan Islam menjaga hak wanita dan melindungi mereka (Al-Suyūṭī, 2003: 4/295). Wanita berhak mendapatkan perceraian terutamanya apabila suami gagal menjalankan tanggungjawabnya dengan adil (al-Ramlī, 1984: 6/423). Sebagai sebahagian daripada perlindungan ini, Islam membenarkan wanita untuk memohon perceraian jika mereka mengalami *darar*, termasuk penderaan emosi yang memudaratkan kesejahteraan mereka. Islam melarang sebarang bentuk kezaliman dan kemudaratan kepada diri sendiri dan orang lain (Al-Syawkānī, 2018: 11/5394). Hal demikian termasuklah penderaan yang dilakukan antara pasangan suami dan isteri.

Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (EUUKI) di Malaysia memberi ruang kepada isteri untuk memohon perceraian kerana *darar* jika mengalami penderaan fizikal atau emosi yang serius dan dapat dibuktikan dengan jelas. Beberapa kajian terdahulu telah membincangkan keperluan penambahbaikan dalam pengurusan kes *darar* emosi terhadap isteri. Kajian oleh Md. Supi et al. (2017) mencadangkan garis panduan khusus kepada hospital dan pakar psikiatri bagi menyokong pembuktian *darar* emosi serta menekankan keperluan proses dakwaan yang lebih cepat dan mesra mangsa. Sementara itu, kajian Dimon (2018; 2019) menekankan penambahbaikan peruntukan undang-undang syariah dan mencadangkan bahawa isteri bukan sahaja boleh menuntut fasakh, tetapi juga memohon

perlindungan interim dan talak *raj'ie*. Kedua-dua kajian tersebut menumpukan kepada penyelesaian isu *darar* emosi melalui pendekatan undang-undang syariah yang lebih responsif. Walau bagaimanapun, kajian terhadap hukum *darar* emosi dan peruntukan undang-undang syariah secara terperinci masih belum luas dibincangkan. Selain itu, terdapat juga masalah wanita kekurangan kesedaran tentang hak dalam isu penderaan emosi oleh pasangan (Azmi et al., 2024: 3253). Justeru, perkara ini boleh menjadi cabaran besar bagi wanita yang ingin memohon perceraian dan bebas daripada penderitaan.

Justeru, artikel ini bertujuan untuk mengkaji perlindungan hak wanita dalam pembubaran perkahwinan disebabkan *darar* emosi menurut fuqaha dan undang-undang syariah di Malaysia. Objektif kajian ini adalah untuk meneliti cabaran yang dihadapi oleh wanita dalam membuktikan *darar* emosi di mahkamah serta keperluan penambahbaikan sistem perundangan untuk memastikan hak wanita dilindungi sepenuhnya. Kajian ini juga bertujuan untuk menganalisis bagaimana *darar* emosi diaplikasikan dalam sistem perundangan syariah dan hak wanita untuk memohon perceraian atas alasan tersebut. Oleh itu, kajian ini amat penting bagi memberikan gambaran yang lebih jelas mengenai isu *darar* emosi dan keperluan memperkukuh perlindungan undang-undang sedia ada bagi pemerkasaan hak wanita Islam.

METODOLOGI KAJIAN

Metodologi kajian yang digunakan dalam kajian ini adalah pendekatan kajian kualitatif dengan jenis penerokaan. Pendekatan kualitatif dan kajian penerokaan dipilih kerana kajian ini bertujuan mengkaji perspektif fuqaha berkaitan *darar* emosi dan tafsiran undang-undang secara terperinci. Hal ini sebagaimana yang dinyatakan oleh Harun dan Abdullah (2004: 6), bahawa kajian penerokaan membolehkan sesuatu fenomena dikaji secara lebih mendalam dan terperinci. Selain itu, kajian ini juga melibatkan kajian kepustakaan yang merujuk kepada pelbagai sumber akademik dan perundangan yang relevan seperti buku, artikel jurnal dan Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam. Kaedah pengumpulan data yang digunakan adalah analisis dokumen dan data dikumpulkan melalui kajian terhadap teks undang-undang, laporan mahkamah, serta literatur berkaitan *darar* emosi dan hak wanita. Temu bual separa struktur bersama seorang peguam syarie juga dijalankan bagi menyokong data primer. Bagi menganalisis data, kaedah analisis kandungan digunakan untuk mendapatkan pemahaman yang mendalam mengenai bagaimana sistem perundangan syariah menangani kes-kes *darar* emosi dan bagaimana hak wanita dilindungi dalam proses perceraian. Kaedah analisis kandungan amat sesuai untuk meneliti bahan rujukan bertulis dan menyusun tema-tema yang ada (Flick, 2014: 429). Dengan pendekatan ini, artikel ini diharapkan dapat memberikan sumbangan yang bermakna terhadap pemahaman mengenai aplikasi *darar* emosi dalam konteks perundangan syariah di Malaysia.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Kajian ini membincangkan dapatan berdasarkan dua aspek utama. Aspek pertama meneliti konsep *darar* emosi menurut fiqh, termasuk definisi, hukum, dan penerimaan *darar* emosi menurut fuqaha. Aspek kedua pula membahaskan aplikasi *darar* emosi dalam pembubaran perkahwinan di Malaysia.

Pembubaran Perkahwinan Disebabkan *Darar* Menurut Fikah

Pembubaran perkahwinan dalam Islam diharuskan apabila segala usaha mengharmonikan hubungan antara suami dan isteri tidak berjaya. Antara alasan pensabitan yang diterima dalam pembubaran perkahwinan ialah *darar*. Oleh itu, penting untuk memahami pengertian *darar*, khususnya *darar* emosi dan aplikasinya dalam EUUKI.

i. Pengertian *Ḍarar*

Perkataan *al-ḍarar* (الضرر) adalah bahasa Arab yang berasal daripada perkataan *al-ḍurr* (الضرّ). Menurut Ibn Manẓūr (1994: 8/482), perkataan *ḍarar* merujuk kepada sesuatu yang bertentangan dengan manfaat, situasi, atau keadaan yang tidak baik atau sangat buruk. Termasuk perkara yang tidak bermanfaat adalah keadaan buruk yang menjejaskan kesejahteraan seseorang (Muwāfi, 1997: 20). Dari segi istilah, al-Najjār (2004: 158) mendapati, maksud *ḍarar* tidak dibincangkan secara jelas dan khusus oleh fuqaha silam. Antara pengertian *ḍarar* yang diketengahkan dalam perbincangan perkahwinan adalah: segala yang mendatangkan mudarat atau kesakitan kepada tubuh badan isteri, jiwanya, atau membahayakan nyawanya ('Abd al-Karīm Zaydān, 1993: 11/437). Pengertian *ḍarar* ini dipilih kerana dilihat paling hampir dan sesuai dengan masalah *ḍarar* yang diharuskan dalam pembubaran perkahwinan. Manakala al-Hājirī (2008: 83), memperincikan *ḍarar* kepada dua kategori utama sebagaimana yang digambarkan dalam Rajah 1 di bawah:



Rajah 1. Jenis *ḍarar* dalam perbincangan fiqah (al-Hājirī, 2008: 83)

Rajah 1 di atas menunjukkan *ḍarar* dikategorikan kepada dua bahagian iaitu *al-ḍarar al-maddī* (الضرر المادي) dan *al-ḍarar al-maknawī* (الضرر المعنوي) atau *al-ḍarar al-adabī* (الضرر الأدبي). Kategori pertama, *al-ḍarar al-maddī* adalah kemudaratan secara fizikal yang terdiri daripada kemudaratan dari segi kewangan dan pada tubuh badan. Kemudaratan kewangan berlaku apabila harta benda seseorang mengalami kerugian, sama ada melibatkan haiwan, barang bergerak, hartanah atau sebarang aset lain (Mustapha & Junoh, 2022: 78 & 80). Secara terperinci, kemudaratan kewangan boleh berlaku dalam pelbagai bentuk, antaranya: kerosakan secara keseluruhan atau sebahagian, rampasan atau penyitaan tanpa hak dan pencerobohan terhadap hak milik seseorang. Seterusnya, kemudaratan pada tubuh badan pula merujuk segala bentuk bahaya yang menimpa tubuh badan seseorang, misalnya: kehilangan nyawa, putus atau hilang anggota badan, kecacatan fungsi anggota, luka atau kecederaan dan kerosakan kekal atau kecacatan (aib) (Junaidi & Samudin, 2022: 328-329).

Manakala, kategori kedua pula *al-ḍarar al-ma'nawī* merujuk kepada kemudaratan moral. Kemudaratan jenis ini merangkumi sebarang bentuk gangguan yang menjejaskan kehormatan, maruah, reputasi, emosi atau perasaan seseorang. Sebagai contoh dalam hal ini ialah: fitnah atau tuduhan palsu, penghinaan atau cercaan, merendah-rendahkan martabat seseorang, menjatuhkan reputasi atau nama

baik seseorang dan mengganggu emosi atau perasaan seseorang (al-Ṭarīfī, 2016: 4/2073). Ibn al-Ṭāhir (2021: 426) menjelaskan, maksud *al-darar al-ma'nawī* adalah setiap perbuatan yang tercela atau yang merosakkan akhlak mulia seperti menyakiti emosi isteri dan kehormatannya: mencaci isteri atau bapanya, misalnya, 'wahai anak anjing', 'wahai anak terkutuk' (ungkapan yang membawa maksud bodoh mengikut 'uruf orang Arab). Oleh itu, *darar* emosi yang menjadi alasan bagi pembubaran perkahwinan tergolong dalam jenis *darar* kedua ini.

ii. Hukum Pembubaran Perkahwinan Disebabkan *Darar* (التفريق للضرر)

Para fuqaha berselisih pendapat dalam meletakkan hukum pembubaran perkahwinan dengan alasan *darar* kepada dua pendapat:

Pendapat pertama; perkahwinan tidak boleh dibubarkan dengan sebab *darar* yang berlaku walaupun di peringkat kritikal. Hal demikian kerana *darar* masih boleh dihilangkan dengan cara selain perceraian. Isteri boleh membuat dakwaan di mahkamah perihal keadaan atau perbuatan *darar* yang dilakukan oleh suami terhadapnya. Mahkamah akan menjatuhkan hukuman dengan mendidik suami supaya berhenti melakukan kemudaratan terhadap isteri (Hashim, 2024: 175). Pendapat ini adalah pandangan fuqaha mazhab Hanafi, Syafi'i dan Hanbali (Al-Zuhaylī, t.t: 9/7060). Menurut al-Kāsānī (2003: 3/603), pembubaran perkahwinan disebabkan *darar* dalam mazhab Hanafi lebih tertumpu kepada ketidakmampuan suami memberi nafkah dan melakukan persetubuhan. Jika suami telah menyetubuhi isteri, maka hak membubarkan perkahwinan secara unilateral atau bilateral mestilah melalui persetujuan suami (Alkiek, 2024: 2-3). Jika suami tidak bersetuju, isteri boleh memohon perceraian secara hakam dengan diwakilkan pendamai daripada suami dan isteri.

Pendapat kedua; perkahwinan boleh dibubarkan dengan sebab *darar* bagi membendung kemudaratan berterusan. Jika dapat dibuktikan dengan jelas berlakunya *darar*, hakim boleh memisahkan suami dan isteri berkenaan dengan talak secara bain (Khalīl, 1899: 4/9). Pendapat ini dipegang dan dipelopori oleh mazhab Maliki (al-Dasūqī, t.t: 1/2). Begitu juga, terdapat pandangan daripada mazhab Hanafi membolehkan perceraian dengan alasan *darar* (Sābiq, 1977: 2/289). Walau bagaimanapun, mazhab Maliki lebih luas membahaskan *darar* dalam perkahwinan berbanding mazhab-mazhab yang lain serta lebih terbuka membenarkan isteri memohon perceraian disebabkan *darar* (Alkiek, 2024: 3; Trigiyatno & Sutrisno, 2022: 205). Menurut Ibn Rusyd (2004, 3/119), mazhab Maliki secara jelas membenarkan pembubaran perkahwinan disebabkan *darar* berdasarkan dalil *al-maslahah al-'ammah*. Pandangan ini berhujahkan dalil daripada hadis yang diriwayatkan oleh Ibn Majah daripada 'Ubadah bin Ṣamīṭ bahawa Rasulullah SAW bersabda:

لَا ضَرَرَ وَلَا ضِرَارَ

Maksud: Tidak ada sebarang mudarat dan tidak ada juga perbuatan membalas kemudaratan."

(Riwayat Ibn Majah, No. 2344)

Lafaz hadis di atas adalah perkhawaran yang membawa maksud larangan iaitu janganlah kalian memudaratkan antara satu sama lain dan mengurangkan hak seseorang (al-Anṣārī, 1960: 74). Oleh demikian, perbuatan mendera emosi termasuk dalam bentuk kemudaratan dan wajib dibendung.

Di samping itu, Abū Mālik (2003: 3/405) menjelaskan bahawa kadar *darar* dalam pembubaran perkahwinan menurut Mazhab Maliki adalah: segala bentuk penderaan atau kesakitan yang dialami oleh

tubuh badan isteri atau emosinya, atau yang membahayakan nyawanya yang dilakukan oleh suami dengan sengaja dengan niat buruk, serta tanpa hak atau alasan syarie yang membenarkan kemudharatan tersebut. Kemudharatan dalam perkahwinan boleh bersifat fizikal atau psikologi. Kemudharatan fizikal adalah segala bentuk penderaan terhadap tubuh badan isteri seperti pukulan, luka, atau tindakan seperti menyiram air panas ke tubuhnya yang jelas haram secara syarak. Manakala kemudharatan psikologi adalah segala bentuk kesakitan yang dirasakan oleh emosi isteri, seperti mendengar kata-kata hinaan atau cacian terhadap dirinya atau kedua orang tuanya, mengabaikan komunikasi dengannya, merendharkannya dan mengabaikan hubungan intim tanpa alasan syarie yang sah.

Oleh itu, wanita tidak seharusnya terburu-buru untuk memohon perceraian hanya kerana berlaku sedikit kemudharatan. Hal demikian kerana tidak semua bentuk *ḍarar* emosi diakui syarak sebagai alasan dalam pembubaran perkahwinan. Tindakan memohon pembubaran perkahwinan hanya boleh dilakukan setelah segala usaha untuk memperbaiki keadaan gagal dan hubungan sudah tidak dapat diteruskan dengan baik.

Aplikasi Pembubaran Perkahwinan Disebabkan *Ḍarar* Emosi di Malaysia

Pembubaran perkahwinan dengan alasan *ḍarar* emosi telah dibahas secara umum dalam EUUKI pada penerangan maksud *ḍarar* syarie.

i. Pembubaran Perkahwinan Disebabkan *Ḍarar* menurut Undang-undang Keluarga Islam di Malaysia

EUUKI Negeri-negeri di Malaysia mengiktiraf *ḍarar* sebagai alasan pembubaran perkahwinan. Perkara ini menunjukkan pendapat mazhab Maliki dipilih dan digunakan dalam masalah *ḍarar* yang berlaku antara suami isteri bagi kemaslahatan institusi kekeluargaan negara ini. Secara umumnya, *ḍarar* syarie didefinisikan sebagaimana dalam EUUKI (Negeri Selangor) 2003:

'Darar syarie' ertinya adalah bahaya yang menyentuh isteri mengenai agama, nyawa, tubuh badan, akal fikiran, maruah atau harta benda mengikut kebiasaan yang diakui hukum syarak.

Takrif *ḍarar* di atas telah meliputi maksud *al-ḍarar al-maddī* dan *al-ḍarar al-ma'nawī* yang dibincangkan oleh fuqaha. Cakupan makna *ḍarar* yang luas telah dimasukkan dalam undang-undang berkaitan fasakh. Dalam Seksyen 50 EUUKI (Terengganu) 2017, menyatakan jenis-jenis alasan fasakh yang melibatkan *ḍarar* terhadap pasangan sebagaimana berikut:

(1) Seseorang perempuan yang berkahwin mengikut Hukum Syarak adalah berhak untuk mendapatkan suatu perintah untuk membubarkan perkahwinan atau untuk fasakh atas satu atau lebih daripada alasan-alasan yang berikut, iaitu:

(a) Bahawa tempat di mana beradanya suami telah tidak diketahui selama tempoh lebih daripada satu tahun;

(b) Bahawa suami telah cuai atau telah tidak mengadakan peruntukan bagi nafkahnya selama tiga bulan;

(c) Bahawa suami telah:

i. Dihukum dengan hukuman pemenjaraan selama tempoh satu tahun atau lebih; atau

- ii. *Dibuang negeri atau dideportasi menurut satu perintah dibuang negeri atau deportasi masing-masing di bawah undang-undang yang berhubungan dengan buang negeri atau imigresen;*
 - (d) *Bahawa suami telah tidak menunaikan, tanpa sebab yang munasabah, kewajipan perkahwinannya (nafkah batin) selama tempoh empat bulan;*
 - (e) *Bahawa suami telah mati pucuk pada masa perkahwinan dan masih lagi sedemikian dan isteri tidak tahu pada masa perkahwinan bahawa suami telah mati pucuk;*
 - (f) *Bahawa isteri, setelah dikahwinkan oleh wali mujbirnya sebelum dia mencapai umur baligh, menolak perkahwinan itu sebelum mencapai umur lapan belas tahun, dan dia belum disetubuhi oleh suaminya itu;*
 - (g) *Bahawa suami menganiayai isterinya, iaitu, antara lain:*
 - i. *Secara lazim menyakitinya atau menjadikan kehidupannya menderita disebabkan oleh kelakuan aniaya;*
 - ii. *Berkawan dengan perempuan yang berperangai jahat atau hidup berperangai keji mengikut pandangan Hukum Syarak;*
 - iii. *Cuba memaksa isteri hidup secara tidak bermoral;*
 - iv. *Melupuskan harta isteri secara tidak sah disisi undang-undang atau berlawanan dengan Hukum Syara; atau melarang isteri daripada menggunakan haknya di sisi undang-undang atau haknya di bawah Hukum Syarak terhadap harta itu;*
 - v. *menghalang isteri daripada menunaikan kewajipan atau amalan agamanya; atau*
 - vi. *jika suami mempunyai isteri lebih daripada seorang, dia tidak melayani isteri-isteri secara adil mengikut kehendak Hukum Syarak;*
 - (h) *Bahawa walaupun selepas empat bulan berlalu, isteri masih belum disetubuhi kerana suami dengan sengaja enggan menyetubuhinya;*
 - (i) *Bahawa isteri tidak memberi keizinan akan perkahwinan itu atau keizинannya tidak sah, sama ada oleh sebab paksaan, kesilapan, ketidaksempurnaan akal, atau apa-apa hal keadaan lain yang diiktiraf oleh Hukum Syarak;*
 - (j) *Bahawa pada masa perkahwinan itu isteri, sungguhpun berkebolehan memberi keizinan yang sah, adalah seorang yang kecelaruan mental, sama ada berterusan atau berselangan, dan kecelaruan mentalnya adalah daripada suatu jenis atau setakat yang menjadikannya tidak layak untuk berkahwin.*
- (2) *Seseorang lelaki yang berkahwin mengikut Hukum Syarak adalah berhak mendapatkan perintah untuk membubarkan perkahwinan atau untuk fasakh atas alasan bahawa isteri menjadi tidak upaya mengikut Hukum Syarak yang menghalang persetubuhan.*
- (3) *Seseorang lelaki atau perempuan yang berkahwin mengikut Hukum Syarak adalah berhak untuk mendapatkan suatu perintah atau membubarkan perkahwinan atau untuk fasakh:*
- (a) *Atas alasan isterinya atau suaminya:*
 - i. *Sedang menghidap penyakit mental yang tidak boleh diubati;*

- ii. *Sedang menghidap penyakit kusta atau vitiligo;*
- iii. *Sedang menghidap penyakit kelamin dalam keadaan boleh berjangkit; atau*
- iv. *Sedang menghidap apa-apa penyakit yang boleh memudaratkan kesihatan pihak yang satu lagi kepada perkahwinan itu; atau*
- (b) *Atas apa-apa alasan lain yang diiktiraf sebagai sah untuk membubarkan perkahwinan atau untuk fasakh di bawah Hukum Syarak.*

Berdasarkan enakmen undang-undang berkaitan fasakh di atas, pelbagai jenis alasan pembubaran perkahwinan disebabkan *darar* fizikal dan emosi dinyatakan. *Darar* emosi didakwa berdasarkan kesalahan '*secara lazim menyakitinya atau menjadikan kehidupannya menderita disebabkan oleh kelakuan aniaya*'. Walaupun tiada ayat peruntukan khas menyatakan penderaan mental, emosi atau psikologi secara langsung, *darar* emosi tetap diiktiraf dalam undang-undang dan wanita yang mempunyai bukti kukuh boleh memohon fasakh.

ii. Prosedur Pembubaran Perkahwinan disebabkan *darar*

Prosedur perceraian fasakh di semua negeri Malaysia adalah sama sebagaimana yang ditetapkan oleh Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia dalam Jadual 1 berikut:

No.	Prosedur	Pihak Terlibat	Tindakan
1	Kaunter Mahkamah Syariah	Suami, isteri atau wakil	i. Menyerahkan borang permohonan perceraian yang lengkap ii. Membayar yuran pendaftaran iii. Mendaftar kes cerai di kaunter iv. Menerima tarikh dan masa hadir ke v. Mahkamah. (Tarikh untuk suami dan isteri hadir ke mahkamah hendaklah tidak melebihi 21 hari dari tarikh kes didaftarkan).
		Mahkamah Syariah	i. Mahkamah serahkan saman kepada suami atau isteri (dalam tempoh tidak melebihi 14 hari selepas kes didaftarkan).
2	Mahkamah Syariah	Suami dan isteri	i. Hadir pada tarikh dan masa yang ditetapkan ii. Bawa bersama dokumen asal seperti berikut: • Sijil Nikah atau Ruju' • Kad Pengenalan atau dokumen pengenalan diri atau Pasport. iii. Suami atau isteri memaklumkan pembelaan kepada hakim. iv. Suami atau isteri tidak ada persetujuan untuk bercerai. v. Suami dan isteri mendapatkan tarikh bicara.
3	Persediaan sebelum Perceraian	Suami dan isteri	i. Melantik peguam ii. Sediakan dokumen perbicaraan dalam tempoh tidak melebihi 1 bulan. Senarai semak dokumen perbicaraan seperti berikut: • Penyata Tuntutan

			• Penyata Pembelaan dan Tuntutan Balas (jika ada) • Jawapan kepada tuntutan balas. • Dokumen-dokumen/ekshibit-ekshibit berkaitan dengan pembuktian kes seperti: Laporan polis, laporan doktor, resit-resit, atau bil-bil dan sebagainya. • Fakta-fakta yang dipersetujui dan fakta-fakta yang tidak dipersetujui
4	Mahkamah Syariah	Suami atau isteri, atau kedua-duanya	i. Menghadiri perbicaraan kes pada tarikh dan masa yang ditetapkan ii. Memberi keterangan iii. Mengemukakan saksi untuk menyokong keterangan iv. Mengemukakan dokumen sokongan v. Mengemukakan hujah bertulis vi. Menerima keputusan daripada Hakim.
5	Jika permohonan fasakh disabitkan	Mahkamah	i. Mahkamah keluarkan perintah perceraian.
		Suami dan isteri	i. Menerima rekod perceraian ii. Membawa rekod perceraian dengan segera ke Jabatan Agama Islam (JAI) untuk daftar cerai. iii. Menyerahkan rekod cerai kepada JAI bersama dokumen asal berikut: • Sijil Nikah atau Sijil Ruju' • Kad Pengenalan atau dokumen pengenalan diri atau Pasport. • Perintah Daftar Cerai dan Rekod Perceraian. iv. Membayar yuran daftar cerai
		Jabatan Agama Islam	i. Mendaftarkan perceraian ii. Mengeluarkan sijil cerai
6	Jika permohonan fasakh tidak disabitkan atau ditolak	Suami atau isteri	Jika tidak berpuas hati atas keputusan Hakim, boleh membuat rayuan ke peringkat mahkamah yang lebih tinggi dalam tempoh 14 hari dari tarikh keputusan.

Jadual 1. Prosedur Pembubaran Perkahwinan secara Fasakh (Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia, 2022)

Berdasarkan Jadual 1 di atas, permohonan pembubaran perkahwinan secara fasakh perlu melalui prosedur tersebut. Bagi pembubaran perkahwinan disebabkan *darar* emosi, mangsa atau isteri perlu mengemukakan bukti-bukti yang kukuh. Antara bukti kukuh adalah seperti laporan psikiatri, keterangan pakar psikologi, saksi, serta bukti bergambar seperti mesej atau emel yang menunjukkan tulisan atau percakapan pelaku yang sengaja membuatkan mangsa tertekan emosi. Nasri et al. (2024: 10) turut mencadangkan agar penggunaan pakar psikologi dalam kes melibatkan psikologi dan mental dipertingkatkan setanding penggunaan psikiatri. Hal demikian kerana pakar psikologi juga mempunyai kemampuan dalam menentukan keadaan mental seseorang. Perkara ini bukan sahaja dapat

mempertingkatkan piawai pembuktian di mahkamah syariah, bahkan dapat mempelbagaikan pakar bagi membantu perbicaraan kes.

Cabaran Dakwaan *Darar* Emosi di Mahkamah Syariah

Terdapat beberapa cabaran utama dalam mengemukakan dakwaan *darar* emosi di Mahkamah Syariah. Salah satu cabaran terbesar adalah beban pembuktian yang perlu ditanggung oleh isteri. Dalam kes penderaan fizikal, bukti seperti laporan perubatan atau kesan fizikal seperti lebam atau luka adalah jelas dan mudah diperoleh berbanding penderaan emosi. Selain itu, perasaan dan pengalaman emosi isteri juga sering kali tidak dapat diterjemahkan dalam bentuk bukti yang konkrit. Isteri perlu mengemukakan laporan psikiatri yang spesifik dan jelas menyatakan bahawa isteri terjejas mental berpunca daripada penderaan oleh suami, bukan disebabkan tekanan kerja atau lain-lain alasan (Nasri et al., 2024: 5 & 12). Perkara ini dapat dilihat dalam kes rayuan antara Nor Azroha Azizan lwn. Mohamad Faizal Nor (2015) JH42/2259. Mahkamah memutuskan bahawa plaintif tidak mendatangkan bukti mencukupi bagi mendakwa defendan yang telah menderanya secara mental. Justeru, perbicaraan kes fasakh melibatkan *darar* emosi sangat bergantung kepada laporan perubatan atau psikiatri yang konkrit.

Prosedur fasakh yang memakan masa juga boleh mempengaruhi psikologi mangsa penderaan. Wanita yang terjejas mental perlu menunggu untuk mendapatkan keputusan daripada mahkamah dan kadangkala menyebabkan mereka tidak dapat bertahan lebih lama. Hal demikian sebagaimana yang dinyatakan oleh informan peguam syarie,

*“Proses kes fasakh boleh memakan masa bertahun-tahun di mahkamah syariah. Oleh itu, perlu kepada penyelesaian meningkatkan prosedur atau proses keputusan.”**

Proses fasakh yang memakan masa bukan sahaja menambah beban emosi wanita, tetapi juga memburukkan lagi keadaan mental mereka (Mohd Ali & Lubis, 2024: 225). Oleh itu, sistem undang-undang perlu lebih efisien dan responsif dalam menangani kes-kes yang melibatkan penderaan emosi, agar wanita yang terjejas dapat memperoleh perlindungan kesihatan mental dengan sebaiknya.


Di samping itu, meskipun laporan psikiatri dan kaunseling dapat membantu dalam memberi gambaran mengenai keadaan mental isteri, tidak semua wanita mempunyai akses kepada sokongan perubatan atau kaunseling yang diperlukan untuk menyediakan bukti yang kukuh. Sebahagian wanita di kawasan luar bandar atau dari golongan yang kurang berkemampuan, mungkin menghadapi halangan dalam mendapatkan rawatan psikologi yang sewajarnya (Alkan & Demir, 2025: 8-9). Mustar et al. (2021: 203) turut menegaskan keperluan untuk meningkatkan akses kesihatan mental di kawasan luar bandar serta merangka strategi mengurangkan stigma terhadap gangguan mental. Akses yang terhad ini bukan sahaja memburukkan keadaan mental wanita yang terjejas, tetapi juga menyukarkan mereka untuk membuktikan *darar* emosi di mahkamah. Selain itu, terdapat juga faktor sosial dan budaya yang menyebabkan wanita berasa malu atau takut untuk mencari bantuan perubatan atau kaunseling (Salleh et al., 2022: 604; Rodiah Mustafa & Zaini Nasohah, 2022: 227). Oleh demikian, wanita yang menjadi mangsa penderaan emosi perlu dibantu dan dibimbing bagi mendapatkan hak mereka yang sewajarnya.

** Temu bual bersama peguam syarie Terengganu, Tuan Haji Mukhtar Abdullah, di Tetuan Zamani Mohammad & Co, Kuala Terengganu, 6 Februari 2025.

Cadangan Penambahbaikan Dakwaan *Darar* Emosi di Mahkamah Syariah

Menurut Sharifnia et al. (2024: 7), kelemahan pelaksanaan undang-undang sedia ada menyebabkan wanita Islam tidak dapat perlindungan sewajarnya dalam isu *darar* emosi. Oleh demikian, kajian ini mencadangkan beberapa langkah bagi meningkatkan keberkesanan dakwaan *darar* emosi dalam tuntutan perceraian secara fasakh. Pertama, prosedur pembuktian perlu dipermudah dengan menyediakan garis panduan yang lebih jelas mengenai jenis bukti yang diterima oleh mahkamah, khususnya dalam kes melibatkan *darar* emosi. Hal demikian termasuk pengenalan laporan psikiatri atau kaunseling sebagai bukti yang lebih diterima dan sah. Laporan daripada pakar psikiatri, pakar psikologi atau kaunseling yang dijalankan dengan teliti boleh menjadi salah satu bukti yang sah untuk menunjukkan kesan emosi dan psikologi yang dialami oleh wanita akibat penderaan yang berlaku.

Kedua, mahkamah perlu memperkenalkan prosedur yang lebih efisien dalam memproses kes *darar* emosi untuk mengelakkan mangsa menanggung penderaan emosi yang berpanjangan. Hal demikian termasuklah mempercepatkan proses perbicaraan kes di mahkamah. Tempoh yang panjang untuk memutuskan perceraian boleh memburukkan lagi keadaan emosi dan psikologi wanita yang didera. Selain itu, ekonomi turut terjejas kerana isteri perlu menanggung kos guaman dan rawatan kesihatan (Guaita-Fernández et al., 2024: 1). Oleh demikian, pengenalan sistem perbicaraan kes secara lebih efisien dan berstruktur, seperti menyediakan prosedur alternatif khas kes melibatkan *darar* emosi, akan memberi impak positif terhadap keadilan dan kesejahteraan mangsa. Kajian ini mencadangkan satu prosedur yang lebih pendek dan kompeten untuk dilaksanakan khusus bagi kes *darar* emosi. Prosedur tersebut digambarkan dalam Rajah 2 berikut:



Rajah 2. Cadangan Prosedur Fasakh Disebabkan *Darar* Emosi

Rajah 2 di atas menunjukkan carta alir prosedur tuntutan perceraian fasakh kerana *darar* emosi. Proses tuntutan perceraian fasakh dimulakan apabila plaintiff (isteri) memfailkan penyata tuntutan fasakh dan saman kepada defendan (suami). Setelah mahkamah menerima dan menilai penyata tuntutan yang mengandungi tekanan mental, mahkamah akan mengarahkan plaintiff untuk menjalani ujian tekanan

mental yang dilakukan oleh pihak berautoriti seperti pakar psikiatri. Seterusnya, plaintif perlu menyediakan bukti utama dan sokongan untuk perbicaraan, seperti laporan psikiatri, keterangan doktor psikiatri, keterangan saksi, serta bukti sokongan lain seperti laporan polis, laporan kaunseling, atau bukti mesej yang relevan. Perbicaraan kes kemudian dijalankan di hadapan hakim, yang akan mendengar semua bukti yang dikemukakan oleh kedua-dua pihak. Setelah proses perbicaraan selesai, hakim akan membuat keputusan dan proses tuntutan fasakh berakhir.

Selain itu, kempen kesedaran mengenai hak-hak wanita dalam perkahwinan dan perceraian penting untuk ditingkatkan (Abokor et al., 2025: 1). Kempen advokasi hak wanita dan perlindungan daripada *darar* perlu diperluaskan lagi melalui pelbagai pihak seperti badan bukan kerajaan (NGO), agensi kerajaan, dan institusi agama. Selain itu, badan kesihatan juga memainkan peranan mendedahkan kesan keganasan rumah tangga terhadap kesihatan fizikal dan mental wanita (Manzouri et al., 2025: 18). Kesedaran ini akan membantu wanita memahami hak mereka dan mempunyai pengetahuan yang lebih jelas untuk bertindak sekiranya menjadi mangsa keganasan rumah tangga secara mental. Dalam pada itu, wanita sering kali tidak menyedari hak mereka dalam perkahwinan atau perceraian, terutamanya dalam kes-kes *darar* emosi. Program kesedaran yang berterusan, seperti seminar, bengkel, dan penerangan undang-undang berkaitan hak wanita secara atas talian, boleh meningkatkan pengetahuan masyarakat mengenai kes penderaan dan hak-hak wanita. Chiluwa (2024: 18-19) mendapati, kempen kesedaran hak wanita secara atas talian menggunakan media sosial di Nigeria telah berjaya menarik lebih banyak penyertaan dan memberi impak yang positif dalam melindungi hak mereka.

Semua langkah ini adalah penting bagi memperkukuh sistem perlindungan wanita Islam di Malaysia dan memastikan keadilan dalam tuntutan perceraian disebabkan *darar* emosi di Malaysia. Dengan menambahbaik prosedur pembuktian yang jelas, mempercepatkan proses perbicaraan, dan meningkatkan kesedaran awam, wanita yang mengalami penderaan emosi dapat menikmati perlindungan yang lebih baik dan mendapat keadilan yang sewajarnya.

KESIMPULAN

Kajian ini menegaskan bahawa *darar* emosi merupakan bentuk penderaan yang memberi kesan serius terhadap kesihatan mental dan kesejahteraan hidup wanita, dan telah diiktiraf oleh Islam sebagai alasan sah bagi pembubaran perkahwinan. Melalui analisis terhadap pandangan ulama fiqah dan pelaksanaan Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (EUUKI) di Malaysia, didapati bahawa pendekatan mazhab Maliki telah digunakan bagi membolehkan isteri menuntut fasakh atas dasar *darar emosi*. Namun begitu, pelaksanaan peruntukan ini berhadapan dengan beberapa cabaran utama seperti beban pembuktian yang sukar dipenuhi, kekurangan kesedaran tentang hak dan prosedur undang-undang, serta proses mahkamah yang memakan masa. Justeru, kajian ini mencadangkan agar prosedur undang-undang sedia ada diperkukuh dan ditambah baik dengan pelaksanaan sistem sokongan sosial yang lebih efektif. Langkah ini termasuklah memberikan pendidikan hak undang-undang kepada wanita. Secara keseluruhannya, dapatan kajian ini diharapkan dapat menyumbang ke arah pembentukan sistem perlindungan yang lebih berkesan dalam menangani isu *darar emosi* dalam institusi kekeluargaan Islam di Malaysia.

RUJUKAN

- ‘Abd al-Karīm Zaydān. (1993). *Al-Mufaṣṣal fi Ahkām al-Mar’ah wa al-Bayt al-Muslim fī al-Sharī’ah al-Islāmiyyah*. Beirūt: Mu’assah al-Risālah.
- Abd Manaf, A. R., Othman S. Z., Mat Saad, Z., Mohd Noor, A. A., & Awang, F. (2023). Penderaan ekonomi mangsa keganasan rumah tangga: Perspektif pengamal. *Jurnal Pembangunan Sosial*, 26. 71-86.
- Abokor, A. H., Farihi, O. A., Ali, M. A., Chesneau, C., & Muse, A. H. (2025). Magnitude and determinants of intimate partner violence against women in Somalia: evidence from the SDHS

- survey 2020 dataset. *BMC Women's Health*, 25(1), 22. <https://doi.org/10.1186/s12905-024-03539-5>.
- Abū Mālik, Kamāl. (2003). *Ṣaḥīḥ Fiqh al-Sunnah wa Adillatuh wa Tawdīḥ Mazāhib al-A'immaḥ*. Al-Qāherah: al-Maktabah al-Tawfīqiyyah.
- Al-Hājirī, Muḥammad. (2008). *Al-Qawā'id wa al-Dawābiḥ al-Fiqhiyyah fī al-Ḍamān al-Mālī*. Tesis Doktor Falsafah. Universiti Islam Madinah.
- Alkan, Ö., & Demir, A. (2025). Emotional violence within intimate partner violence against Turkish women in rural and urban areas. *BMC Public Health*, 25(1). <https://doi.org/10.1186/s12889-025-22009-7>.
- Alkiek, T. (2024). Spousal Harm in the Mālikī Law School: Evidence and Procedure. *Islamic Law and Society*, 31(1–2), 1–29. <https://doi.org/10.1163/15685195-bja10049>.
- Al-Anṣārī, Ismā'īl. (1960). *Al-Tuhfah al-Rabbāniyyah fī Syarḥ al-Arba'īn Hadīthan al-Nawawiyyah*. Al-Iskandariyyah: Maṭba'ah Dār Nasr al-Thaqāfah.
- Azhar Harun & Nawi Abdullah. (2004). *Metodologi Penyelidikan untuk Ekonomi dan Sains Sosial*. Singapura: Thomson and Learning.
- Azmi, N. F., Wan, W. M. K. F., Khairuddin, K. R., Zainal, N. N., & Aisyah, S. (2024) The Concept of Emotional Abuse in Marriage from an Islamic Perspective. *International Journal of Academic Research in Business & Social Sciences*, 14(12). 3250–3255.
- Bernama. (2025). Parliament: Domestic Violence Cases Increase to 7116 in 2024. *Bernama*. [https://www.bernama.com/en/news.php?id=2398758#:~:text=kuala%20lumpur%2c%20march%204%20\(bernama\)%20%2d%2d%20the,that%20following%20this%2c%20the%20need%20to%20amend](https://www.bernama.com/en/news.php?id=2398758#:~:text=kuala%20lumpur%2c%20march%204%20(bernama)%20%2d%2d%20the,that%20following%20this%2c%20the%20need%20to%20amend).
- Bryngersdottir, H. S., & Halldorsdottir, S. (2022). “I’m a Winner, Not a Victim”: The Facilitating Factors of Post-Traumatic Growth among Women Who Have Suffered Intimate Partner Violence. *International Journal of Environmental Research and Public Health*, 19(1342). 1–18.
- Chiluwa, I. (2024). Discourse, digitisation and women’s rights groups in Nigeria and Ghana: Online campaigns for political inclusion and against violence on women and girls. *New Media and Society*. <https://doi.org/10.1177/14614448231220919>.
- Al-Dasūqī, Muḥammad. (t.th.). *Hāsyiah al-Dasūqī ‘alā al-Syarḥ al-Kabīr*. Dimasyq: Dār al-Fikr.
- Dimon, Z. (2018). Tekanan mental dalam perkahwinan dan penyelesaiannya menurut undang-undang keluarga Islam. Proceedings of the 4th Muzakarah Fiqh & International Fiqh Conference, Universiti Islam Selangor, 12–23.
- Dimon, Z. (2019). Darar emosi terhadap isteri dalam perkahwinan menurut undang-undang di Malaysia: Emotional darar towards wife in marriage from Malaysian law perspective. *Journal of Muwafaqat*, 2(1), 99–115.
- Flick, Uwe. (2014). *An Introduction to Qualitative*. London: SAGE Publication.
- Guaita-Fernández, P., Martín Martín, J. M., Ribeiro-Navarrete, S., & Puertas, R. (2024). Analysing the efficiency of public policies on gender-based violence: A literature review. *Sustainable Technology and Entrepreneurship*, 3(3). <https://doi.org/10.1016/j.stae.2023.100066>.
- Hashim, J. (2022). *Sistem Kekeluargaan Islam dan Amalannya di Malaysia*. Kuala Nerus: Penerbit Universiti Sultan Zainal Abidin.
- Ibn al-Manzūr, Muḥammad. (1994). *Lisān al-‘Arab*. Beirut: Dār al-Ṣādir.
- Ibn al-Ṭāhir, ‘Abd Allāh. (2021). *Syarḥ Mudawwanat al-Usrah fī Itār al-Mazhab al-Mālikī wa Adillatuh: Dirāsah Ta’šiliyyah Muqāranah ‘alā Ḍaw’ al-Mazhab al-Arba’ah*. Casablanca: al-Maṭba’ah al-Najāḥ al-Jadīdah.
- Ibn Mājah, Muḥammad. (2014). *Al-Sunan*. Beirut: Dār al-Tāšīl Markaz al-Buhūth wa Taqniyat al-Ma’lūmāt.
- Ibn Rusyd. (2004). *Bidāyat al-mujtahid wa nihāyat al-muqtaṣid*. Al-Qāherah: Dār al-Ḥadīth.
- Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia. (2022). Proses Kes Perceraian Secara Ta’liq Atau Fasakh. <http://www.jksm.gov.my/wp-content/uploads/2022/01/c12.pdf>.
- Johari, H., Zakaria, N., Hamid, M. A., & Amirrudin, R. Analisis Literatur Menangani Isu Keganasan Rumah Tangga Demi Membangun Malaysia Madani. *International Journal for Studies on Children, Women, Elderly and Disabled*, 23. 24-33.

- Junaidi, A. & Samudin, S. A. (2022). Penetapan Hukuman bagi Kesalahan Jenayah Syariah di Malaysia: Analisis Perbandingan Mengikut Undang-undang dan Fiqh. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*, 23(2). 324-346.
- Al-Kāsānī, ‘Alā’ al-Dīn. (2003). *Badā’i’ al-Ṣana’i’ fī Tartīb al-Syarā’i’*. Beirut: Dār al-Kutub al- Kāsānī Ilmiyyah.
- Manzouri, L., Seyed-Nezhad, M., Rajabi-Vasokolaei, G., Arabi, A., & Moardi-Joo, M. (2025). Factors affecting domestic violence against women in Iran: a scoping review. *BMC Women’s Health*, 25(1). <https://doi.org/10.1186/s12905-025-03770-8>.
- Md. Supi, S. S., Abu, A. W. H., & Mohamed, M. I. I. (2017). *Kajian tekanan mental dalam konflik perkahwinan: Cadangan penyelesaian alternatif di bawah peruntukan fasakh*. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia.
- Mohd Ali, N. F. H. & Lubis, A. (2024). Fasakh Procedure in A Coma: Study of Islamic Family Enakmen in Seremban, Negeri Sembilan. *Jurnal Ilmu Syari’ah dan Ahwal Al-Syakhsyiyah*. 7(1). 214-228.
- Mustafa, R., & Nasohah, Z. (2022). Sorotan Literatur Kesedaran Wanita Bekerjaya Tentang Hak-Hak Selepas Perceraian [Literature Review of Career Women’s Awareness on Post-Divorce Rights]. *Jurnal Islam Dan Masyarakat Kontemporari*, 23(2), 221-233. <https://doi.org/10.37231/jimk.2022.23.2.587>.
- Mustapha, A., M. & Junoh, N. (2022). Konsep Darurah Dan Kaedah-Kaedah Fiqhiyyah Yang Berkaitan Dengan Darurah. *Jurnal Pengajian Islam*, 15(1). 69-90.
- Mustar, S. H., Sailun, R., Abdul Sahid, M. R., Tamsir, A., Mohd Harun, N. A., Osman, R. H. & Mohamed, M. H. . (2024). Analisis Bibliometrik 30 tahun: Kajian Kesihatan Mental Dalam Kalangan Wanita di Asia Tenggara. *Jurnal Psikologi Dan Kesihatan Sosial*, 8(1). 195–205.
- Muwāfi, Aḥmad. (1997). *Al-Darar fī al-Fiqh al-Islāmiy*. Saudi: Dār ‘Ibn ‘Affān li al-Nasyr wa al-Tawzī‘.
- Al-Najjār, ‘Adnān. (2004). *Al-Tafrīq bayna al-Zawjayn*. Tesis Doktor Falsafah. Universiti Islam Gaza.
- Nasri, M. S., Ibrahim, A. K., Md Noor, R., Yahya, M. A., & Md Ismail, M. A. (2024). Kebolehterimaan Keterangan Pendapat Pakar Psikologi Sebagai Kaedah Pembuktian Di Mahkamah Syariah. *Jurnal Sains Sosial*, 9(1). 1-16.
- Nazari, W. H., & Musa, R. (2022). Gender Equality According to Muslim Feminists] Kesetaraan Gender menurut Golongan Feminis Muslim. *Jurnal Islam Dan Masyarakat Kontemporari*, 23(1), 205-216. <https://doi.org/10.37231/jimk.2022.23.1.662>.
- Al-Ramlī, Syams al-Dīn. (1984). *Nihāyat al-Muḥtāj fī Syarḥ al-Minhāj*. Beirut: Dār al-Fikr.
- Salleh, S., Wazir, R., Abd Rahman, K. A., Sudī, S., Awang, A. H., & Kamarulzaman, A. I. (2022). Mengatasi Masalah Kesihatan Mental Melalui Pendekatan Psiko Spiritual. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 7(47), 601-615.
- Sharifnia, A. M., Bulut, H., Ali, P., & Rogers, M. (2024). Muslim Women’s Experiences of Domestic Violence and Abuse: A Meta-Ethnography of Global Evidence. In *Trauma, Violence, and Abuse*. SAGE Publications Ltd. <https://doi.org/10.1177/15248380241286836>.
- Sharil, S., & Ismail, A. (2020). [Causes of Violence Toward Women in Public Places: Research in Kuala Lumpur] Punca-punca Keganasan Terhadap Wanita di Tempat Awam: Kajian di Kuala Lumpur. *Jurnal Islam Dan Masyarakat Kontemporari*, 21(1), 235-252. <https://doi.org/10.37231/jimk.2020.21.1.475>.
- Al-Suyūfī, Jalāl al-Dīn. (2003). *Al-Durr al-Mansūr fī Tafsīr bi al-Ma’thūr*. Beirut: t.p.
- Al-Syawkānī, Muḥammad. (2018). *Al-Faṭḥ al-Rabbānī min Fatāwā al-Imām al-Syaukānī*. San’ā: Maktabah al-Jīl wa al-Jadīd.
- Al-Ṭarīfī, ‘Abd al-‘Azīz. (2016). *Al-Tafsīr wa al-Bayān li Ahkām al-Qur’ān*. Riyāḍ: Maktabah Dār al-Minhāj li al-Nasyr wa al-Tawzī‘.
- Trigiyatno, A., & Sutrisno. (2022). Dharar as a Reason for Divorce Lawsuit in Fiqh and Legislation of Some Muslim Countries: Study on Indonesia, Bahrain, Sudan, Qatar, and Morocco. *Al-Istinbath: Jurnal Hukum Islam*, 7(1), 203–222. <https://doi.org/10.29240/jhi.v7i1.3368>.

Statut

Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) (Pindaan) 2018.

Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Terengganu) 2017.